



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**  
**KOD KURSUS : DSM 2083**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: **BAHAGIAN A (100 Markah)**
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama penuh pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan **DUA (2)** kategori niat dalam undang-undang kontrak. (6 markah)
- b. Hanim menawarkan menjual beg tangannya yang bernilai RM1000 pada harga RM600 kepada Lili dan Lili bersetuju. Walau bagaimanapun, Hanim mengubah fikirannya dan enggan menyerahkan beg tangan tersebut kepada Lili atas alasan bahawa janji tidak boleh dikuatkuasakan disebabkan ketakberpadaan balasan. Lili mendakwa telah wujud kontrak di antara mereka.  
Nasihatkan Lili tentang tindakan yang perlu diambil olehnya berkaitan perkara di atas. (13 markah)
- c. Jelaskan perbezaan di antara tawaran dengan pelawaan tawaran. (6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Jelaskan **EMPAT (4)** jenis kontrak yang sah dimasuki oleh kanak-kanak.  
(10 markah)
- b. Wadi menawarkan membeli tanah milik Faizal yang terletak di Kampung Pisang. Faizal bersetuju untuk menjualnya. Wadi meminta Faizal menandatangani beberapa dokumen berkaitan jual beli tanah yang dibuat di dalam Bahasa Inggeris. Perjanjian mereka disaksikan dan dijelaskan oleh peguam yang dilantik oleh Wadi. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, Faizal telah menandatangani perjanjian menjual tanah miliknya yang berada di Segamat. Apabila Faizal mendapat tahu perkara sebenar, dia ingin membatalkan perjanjian tersebut dan mendakwa berlaku penipuan di mana Wadi telah mengambil kesempatan ke atasnya yang buta huruf.

Nasihatkan Faizal tentang tindakan yang perlu diambil oleh beliau.

(15 markah)

**SOALAN 3**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ejensi secara persekatan (estoppel)?  
(4 markah)
- b. Huraikan **TIGA (3)** cara penamatan ejensi melalui perbuatan pihak-pihak.  
(10 markah)
- c. Kumar yang menyediakan servis pengangkutan lori diarahkan oleh Akif untuk menghantar satu tan buah strawberi dari Cameron Highland ke Johor. Semasa dalam perjalanan, salah satu tayar bocor menyebabkan lori terbabas dan melanggar pokok. Sebahagian buah strawberi rosak. Kumar menjual buah strawberi tersebut pada harga yang rendah di pasar berdekatan tanpa menghubungi Akif terlebih dahulu. Akif yang mendapat tahu perkara tersebut telah menuntut ganti rugi daripada Kumar.

Nasihatkan Kumar tentang tindakan yang perlu diambil oleh beliau.

(11 markah)

**SOALAN 4**

- a. Huraikan mengenai syarat tersirat dan waranti tersirat.

(10 markah)

- b. Idham telah membeli sebuah kereta Honda City dari Hakimi dan telah menggunakannya selama 6 bulan. Idham kemudian mendapati bahawa Hakimi tidak mempunyai hak yang sah ke atas kereta tersebut. Kereta tersebut masih menjadi milik Akmal. Idham terpaksa menyerahkan semula kereta tersebut kepada Akmal dan menuntut wang yang telah dibayar. Hakimi enggan menyerahkan wang tersebut kepada Idham.

Nasihatkan Idham tentang tindakan yang perlu diambil oleh beliau.

(15 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**